

27/08/1997

Menukar tabiat bertindak selepas dikejut

SEBENARNYA persepsi kebersihan dan kekotoran wujud sejak lama di kalangan kita di Malaysia dan sudah beberapa kali diketengahkan sebagai persoalan masyarakat. Tetapi kali ini kerana PM sendiri bertempik mengenai, gegarannya bergema dan menyentuh semua pihak. Pelbagai reaksi timbul, seolah-olah inilah kali pertama isu itu timbul, walhal jika ia diberi perhatian berterusan sejak dulu lagi, tidaklah menjadi satu krisis mini dalam kehidupan masyarakat.

Sudah lumrah, kita seolah-olah sudah terbiasa suka dikejut dan digegarkan supaya bertindak apabila ditegur oleh pihak berkuasa dan berpengaruh dan selepas itu kita lupakan dan tidur hingga dikejutkan lagi.

Kekotoran nampaknya sudah sehati dengan cara hidup kita di Malaysia. Kita cuma berasa malu selepas Perdana Menteri Pakistan memuji betapa bersihnya Kuala Lumpur ketika beliau melawat negara ini. Tetapi dalam waktu yang sama beliau mungkin menyaksikan betapa kotor dan bersepanya sampah dalam perjalanannya balik ke hotel.

Selepas PM bersuara barulah pihak berkenaan bangkit bertindak. Reaksi pertama yang seolah-olah secara automatik ialah menaik dan menguatkuasakan denda dan hukuman untuk kesalahan membuang sampah merata. Sebenarnya, pihak berkuasa tempatan yang terbabit secara langsung menjaga kebersihan memang selalu bertindak, seperti mengenakan peraturan membersihkan jalan bagi lori projek pembangunan yang mengangkut tanah atau mengawasi pelupusan sampah dan lain-lain.

Tetapi yang menarik perhatian saya ialah jika PM sendiri tidak bertempik, mungkin tidak terdengar tindakan mengenakan denda RM500, iaitu satu jumlah besar yang hampir sama dengan gaji guru sekolah rendah atas kesalahan menyepah tidak tentu arah, atau arahan mengenakan denda itu secara tegas. DBKL dilaporkan akan menggunakan pegawai penguatkuasanya yang berpakaian pereman 'bagi memerangkap individu atau pengusaha premis yang membuang sampah merata tempat sekitar ibu kota.' (Harian Metro, 12 Ogos 1997).

Mengikut Dr Ibrahim Saad seperti dilaporkan oleh Harian Metro, denda RM500 adalah denda maksimum bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda maksimum RM1,000 boleh dikenakan 'mengikut Seksyen 47 (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974'. Ini bermakna memang sudah ada peruntukan undang-undang, cuma tidak dilaksanakan.

Apabila teguran PM itu dilaksanakan seolah-olah 'with a vengeance' atau seperti melepaskan geram. Teguran PM yang tidak secara langsung kena kepada pihak yang sepatutnya mengawasi masalah itu ditujukan juga masyarakat.

Mengetahui sikap dan tabiat sesetengah masyarakat yang tidak bertanggungjawab sering songsang pihak yang diamanahkan mengawasi persoalan itu hendaklah secara tegas dan berterusan menguatkuasakan peruntukan yang sudah ada.

Banyak masalah ditimbulkan oleh ahli masyarakat selain soal pengotoran persekitaran ini, seperti masalah jalan raya, pembiakan nyamuk aedes, pembotakan bukit bukau dan hutan dan pelbagai ragam lagi. Terpulang pada agensi-agensi terbabit untuk mengekangnya secara aktif dan satu jalannya ia harus bertindak secara berterusan dan konsisten. Contoh baru-baru ini ialah Jabatan Pengangkutan Jalan yang menghadapi banyak masalah perbuatan segelintir masyarakat, tetapi pelaksanaan kuatkuasa yang berterusan dan tegas dapat membendungnya walaupun tidak menghapuskannya.

Bukanlah kita harus meniru jiran kita Singapura yang tindakan tegasnya kita ketahui berjaya membanteras banyak masalah masyarakat dan salah satu ialah penjagaan kebersihan di serata pulau itu. Walaupun dibuat sindiran dengan menyatakan, 'Singapore is a fine city', iaitu 'fine' bukan dimaksudkan 'elok', tetapi merujuk kepada denda yang dikenakan, namun matlamatnya mendisiplinkan penduduknya sungguh berjaya. Pada satu ketika penduduk Singapura terkenal dengan tindak-tanduk menentang penguatkuasaan pemerintah, tetapi kini tidak lagi.

Kebersihan sebenarnya bergantung kepada persepsi yang sebahagian besarnya diberi oleh budaya. Orang Melayu yang beragama Islam sepatutnya menjaga kebersihan kerana ia dituntut oleh agama. Tetapi pada praktiknya persepsi terhadap kebersihan di kalangan orang Melayu mempunyai tafsiran sendiri. Abdullah Munshi dalam memberi komentarnya terhadap kekotoran yang didapatinya di bandar Melayu di Pantai Timur.

Tidak syak lagi pandangannya sedikit sebanyak dipengaruhi oleh peradaban Inggeris yang dialaminya di Melaka dan Singapura ketika itu. Tetapi apa yang dilihatnya di Pantai Timur dengan sampah bertimbun di sana-sini, ukuran yang digunakannya bukanlah semata-mata Barat tetapi mungkin timbul daripada dirinya sendiri sebagai seorang yang tahu menilai kebersihan.

Dalam masyarakat Malaysia, bukan saja orang Melayu bahkan kaum lain juga, nampaknya persepsi terhadap kebersihan mempunyai ukuran yang rendah. Tempat makan, terutama gerai di tepi jalan, seolah-olah terasing daripada kekotoran yang terdapat di sekeliling seperti longkang tersumbat atau longgokan sampah. Bahkan di pejabat kerajaan sendiri, sehingga baru-baru ini, kebersihan tandas tidak berjaga. Kebiasaan membuang sampah merata dan tidak menggunakan tong yang disediakan adalah perkara biasa.

Bukan tidak ada usaha mendidik kebersihan awam, dan bukan tidak ada penguatkuasaan. Tetapi ia tetap berlaku, bukan sahaja di kawasan-kawasan sesak yang penduduknya orang susah, bahkan di kawasan mewah di mana rumahnya banglo dan penghuninya berwang lagi terpelajar.

Melaksanakan penguatkuasaan juga adalah satu bentuk pendidikan kerana ia memberi teladan, tetapi ia juga pemaksaan. Yang lebih berkesan dan tahan ialah apabila ia dijiwai atau 'internalise' kata ahli psikologi. Bukan saja nilai yang mengutamakan kebersihan dan memandangi jijik kekotoran ditanam dalam diri seseorang tetapi yang lebih utama saya rasa ialah mengenali apa itu kotor dan apa bersih, bukan secara fizikal saja, tetapi secara rohaniah juga.

Minda Pengarang Berita Harian (12 Ogos 1997) tepat menyatakan: "Menjaga kesihatan (bermaksud tahu apa itu kebersihan dan kekotoran) juga adalah salah satu elemen pembelajaran penting." Sekolah sebagai institusi masyarakat yang bertanggungjawab mendidik anak kita menjadi warga negara masa depan, di samping keluarga sendiri, memainkan peranan besar mengasuh sifat bencikan kekotoran dan menghargai kebersihan di kalangan kita.

Baru-baru ini kita dapati kempen mengindahkan sekolah, tetapi kita baca juga sekolah tempat membiaknya nyamuk aedes. Terjadinya situasi yang mirip kontradiksi ini mungkin kerana persepsi kita juga, keindahan pada kita terhad kepada nikmat mata saja, kita tidak rangkumkan aspek seperti kesihatan dan kebersihan ke dalam keindahan. Atau sebaliknya kekotoran kepada kita cuma sampah bersepeh sahaja, atau tandas tidak dicuci sahaja, lebih jauh daripada itu tidak termasuk dalam persepsi terhadap kekotoran.

Dalam kemarahannya, PM menyoalkan apakah penyepah itu menganggap pihak yang dipertanggungjawabkan menjaga kebersihan sebagai 'kuli' mereka? Saya rasa sikap segelintir masyarakat memang begitu.

Oleh kerana mereka kaya dan mempunyai wang, mereka boleh buat sesuka hati, kerana apabila didenda, mereka boleh bayar! Menaikkan denda bukan jawapannya, tetapi diberi kesedaran dan menjiwainya dapat mengubah sikap.

Dari segi ini saya kira hukuman yang dikenakan, bukan saja bagi si

penyepah tetapi bagi yang secara konsisten mengingkari peraturan dihukum dengan memberi perkhidmatan masyarakat seperti membersihkan jalan raya atau longkang, adalah cara yang baik.

Perbuatan yang dianggap `antisosial' itu mungkin satu bentuk pelakuan `protes'. Peringkat yang berkesan menanam sikap tanggungjawab sosial ini ialah di sekolah.

Tetapi apa yang kita dengar, terutama sekolah di kota, ibu bapa marah apabila anak mereka diminta memungut sampah atau mencuci tandas yang mereka guna sendiri. Sikap ibu bapa sendiri harus diperbetulkan supaya kita dapat mendidik generasi muda dengan sempurna.

Apabila kita hendak menanam sikap positif seperti suka dan tahu kebersihan dan jijik kepada kekotoran, kita perlu menjalinnya dengan satu sistem nilai dan pandangan hidup atau `world-view'. Pendidikan di sekolah sekadar menanam nilai dan `world-view' yang dihasratkan, tetapi masyarakat dan institusinya yang memupuk nilai yang dihasratkan itu.

Penguatkuasaan dengan mengenakan hukuman berterusan adalah satu pembentukan pelakuan sosial juga, tetapi akan lebih berkesan jika menolak pelakuan sosial yang songsang dengan hasrat masyarakat ditanam dan diasuh pada sanubari ahlinya sejak muda lagi.

(END)